

**CERITA-CERITA EPIK TERPILIH
DARI TAMADUN BARAT DAN ISLAM:
SATU KAJIAN PERBANDINGAN**

oleh

ZAITUN ADNAN

**Tesis yang diserahkan untuk memenuhi
keperluan bagi Ijazah Sarjana Sastera**

Januari 2001

f PN56
E65Z21

5668

E65Z21

709613

f nb.
PN56
E65Z21
2001

*Istimewa untuk anakanda Nooraliza
dan Dayana Muhammad Ali
-mama-*

PENGHARGAAN

Saya bersyukur kepada Allah Subhanahuwataala kerana memberi rahmat dan hidayahNya kepada saya sehingga berjaya menyiapkan tesis ini.

Saya ingin merakamkan jutaan terima kasih kepada Profesor Haji Mohd. Khalid bin Mohd. Taib selaku penyelia yang telah memberi bimbingan, tunjuk ajar, panduan dan pandangan yang membuka minda kepada saya sehingga siapnya tesis ini.

Saya juga merakamkan jutaan terima kasih kepada Dr. Haji Mustafa Mohd. Isa yang sentiasa memberi rangsangan, dorongan dan semangat kepada saya untuk meneruskan pengajian sehingga ke peringkat sarjana.

Seterusnya saya ingin merakamkan penghargaan dan terima kasih saya kepada orang-orang perseorangan dan sahabat-sahabat yang telah membantu dan memberi sokongan serta bertanya khabar sewaktu saya menyiapkan kajian ini. Mereka ialah Y.Bhg. Dato' Sidek Elamdin, Profesor Md. Salleh Yaapar, Dr. Sohaimi Abdul Aziz, Encik Ismail Shariff, Puan Sakinah Abu Bakar, Puan Jamilah Ikhsan, Puan Lalita Sinha, Puan Anita Talib, Puan Mariah Yusof, para sahabat di

Pusat Matrikulasi khasnya, dan di dalam kampus Universiti Sains Malaysia amnya.

Saya juga ingin mengucapkan terima kasih kepada pihak Perpustakaan Universiti Sains Malaysia, Perpustakaan Tun Sri Lanang, Universiti Kebangsaan Malaysia dan Perpustakaan Besar Universiti Malaya kerana telah sudi memberi kemudahan rujukan kepada saya.

Saya juga ingin merakamkan jutaan terima kasih kepada Cik Rosni Hasan yang sentiasa bersabar dan sudi menaip berulang kali sehingga terhasilnya tesis ini.

Akhir sekali saya ingin merakamkan jutaan terima kasih kepada kedua-dua anak saya iaitu Nooraliza dan Dayana Muhammad Ali yang sentiasa bersabar dan memahami keadaan mama. Juga kepada ibu dan adik-adik yang sentiasa memberi dorongan dan sokongan. Sesungguhnya kepada Allah SWT juga dipohon pembalasan. InsyaAllah.

KANDUNGAN

Muka Surat

Penghargaan	i
Kandungan	iii
Abstrak	v
Abstract	viii

Istilah-Istilah Utama	xii
(i) Epik	xi
(ii) Hero	xv
(iii) Wira	xvi
(iv) Zaman Pertengahan	xvii
(v) Zaman Pahlawan	xxiii
Bab1: Pengenalan	1
1.1 Tujuan Kajian	3
1.2 Bahan dan Skop Kajian	4
1.3 Metodologi	8
1.4 Kajian yang Sedia Ada Tentang Epik	9
Bab 2: Konsep <i>Genre</i> dan Wira Epik: Ciri-Ciri Kesejagatan dan Kedaerahan	15
2.1 Pengenalan	15
2.2 Ciri-Ciri Kesejagatan dan Kedaerahan	16
2.2.1 Epik Yunani Klasik	16
2.2.2 Epik Kesusastraan Klasik India	20
2.2.3 Wira-Wira dari Warisan Islam	24
2.2.4 Epik dalam Zaman Pertengahan	28
2.3 Kesimpulan	30
Bab 3: Teks dan Konteks	39
3.1 Pengenalan	39
3.2 Latar Belakang Sejarah Agama Kristian Secara Ringkas Sehingga Peristiwa Perang Salib	39
3.3 <i>The Song of Roland</i>	45
3.3.1 Pengenalan Umum Tentang Teks dan Konteks Sejarah	45

3.3.2 Sinopsis Teks (<i>The Song of Roland</i>)	48
3.4 El Cid of Spain	50
3.4.1 Pengenalan Umum Tentang Teks dan Konteks Sejarah	50
3.4.2 Sinopsis Teks (<i>El Cid of Spain</i>)	52
3.5 Latar Belakang Sejarah Semenanjung Tanah Arab Sebelum dan Selepas Kedatangan Agama Islam Sehingga Perang Salib	63
3.5.1 Hikayat Amir Hamzah	63
Pengenalan Umum Tentang Teks dan Konteks Sejarah	
3.5.2 Sinopsis Teks (Hikayat Amir Hamzah)	68
3.6 Hikayat Muhammad Hanafiyyah	77
Pengenalan Umum Tentang Teks dan Konteks Sejarah	
3.6.1 Sinopsis Teks (Hikayat Muhammad Hanafiyyah)	79
Bab 4: Perbandingan Ciri-Ciri Epik Kristian dan Islam	83
4.1 Pengenalan	83
4.1.1 Tema	84
4.1.2 Plot	103
4.1.3 Perwatakan	113
4.1.4 Latar	124
4.1.5 Teknik Penyampaian	130
4.1.6 <i>World View</i> Masyarakat	137
4.2 Perbandingan	140
Bab 5: Perbandingan Sifat-Sifat Khusus Wira (<i>Heroic Attributes</i>)	144
5.1 Pengenalan	144
5.2 Perwatakan dan Kepimpinan	145
5.3 Kualiti Seorang Wira	149
5.4 Semangat Cintakan Agama, Negara dan Raja	155
5.5 Semangat Jihad dan Mati Syahid	156
5.6 Semangat Keimanan dan Ketakwaan	158
Bab 6: Penutup	161
Bibliografi	166

ABSTRAK

Kajian ini bertujuan melihat persamaan dan perbezaan di antara teks-teks epik yang dipilih daripada tradisi Kristian dan Islam pada zaman pertengahan iaitu **Hikayat Amir Hamzah** dan **Hikayat Muhammad Hanafiyah**, *El Cid of Spain* dan *The Song of Roland*. Kajian memberi fokus terhadap latar belakang sejarah, masyarakatnya, dan ‘worldview’ di kalangan masyarakat yang melahirkan watak-watak wiranya, serta faktor-faktor yang mendorong watak-watak wira epik itu bersikap sedemikian.

Dengan latar belakang suasana di medan peperangan, keempat-empat epik telah melahirkan wira-wira yang mencipta nama dan dikategorikan sebagai wira bangsa kerana telah memperlihatkan sifat-sifat kepahlawanan semasa di medan perang.

Penglibatan mereka dalam peperangan adalah untuk tujuan berjihad. Namun pengertian jihad dalam kedua-dua tradisi berbeza; iaitu dalam tradisi Kristian jihad dimaksudkan sebagai ‘*holy war*’. Wira mereka yang gugur di medan peperangan kerana berjihad disebut *martyr*. Tujuan mereka berjihad pula adalah untuk mendapatkan

ganjaran seperti harta kekayaan, pangkat, nama disanjung dan diyakinkan oleh ketua agama bahawa mereka boleh masuk Syurga.


Berbeza pula dengan pandangan agama Islam, didapati orang-orang Islam yang berjihad dan meninggal pada jalan Allah SWT disebut sebagai para syuhada. Jihad yang mereka lakukan disertai dengan rasa keimanan dan ketakwaan yang mendalam dan bukannya kerana untuk mendapatkan ganjaran. Mereka yang gugur di medan peperangan kerana mempertahankan agama Islam, Allah SWT sahaja yang akan memberi ganjaran kepada mereka iaitu Syurga sebagai balasannya.

Didapati bahawa keempat-empat wira dalam kajian ini mempunyai persamaan ciri-ciri dalaman seperti sifat-sifat berani, gagah, perkasa, kebijaksanaan, kehandalan bermain senjata, dan kepimpinan atau ketua dalam masyarakat masing-masing. Oleh itu, keempat-empat wira layak dikategorikan menurut kerangka teori Frye sebagai wira pemimpin, iaitu wira yang mempunyai '*high mimesis*' tetapi tidak dapat menandingi alam sekitarnya. Sebagai manusia biasa mereka juga memiliki sifat-sifat kekurangan dan kelemahan.

Keempat-empat mereka telah meninggal dunia mengikut jangkaan hayat masing-masing. El Cid mati pada usia 56 tahun dan tidak sempat melihat kejayaannya menawan kembali seluruh daerah yang telah dijajah oleh orang-orang Islam. Roland pula mati secara tragis tetapi kematiannya bukan disebabkan terkena mata pedang

apabila diserang secara mengejut, sebaliknya kepalanya pecah ketika meniupkan trumpetnya untuk meminta bantuan dan sebagai tindakan dan pengorbanan diri demi menjaga maruah bangsanya. Amir Hamzah pula mati sebagai syuhada ketika membantu Nabi Muhammad s.a.w. melawan orang-orang kafir. Yang tragisnya ialah dadanya dibelah dan hatinya digigit-gigit oleh pihak musuh kononnya agar mereka juga turut kuat, gagah dan berani sepertinya. Muhammad Hanafiyah juga terkorban apabila pintu gua tertutup dengan sendirinya ketika beliau sedang membunuh kaum Yazid dan orang-orang yang tidak berdosa yang bersembunyi di dalam gua tersebut.

Kesimpulannya adalah jelas bahawa perbandingan yang dibuat terhadap dua epik tradisi Kristian dan dua epik tradisi Islam telah memperlihatkan ciri-ciri persamaan dan juga perbezaan. Pengetahuan ini boleh dimanfaatkan oleh pelajar serta pengkaji Satera Bandingan, mahu pun pelajar dan pengkaji Kesusasteraan Klasik Melayu/Nusantara.



SELECTED EPIC STORIES FROM WESTERN AND ISLAMIC CIVILIZATION: A COMPARATIVE STUDY

ABSTRACT

This study sets out to examine the similarities and differences in the selected epic texts from Islamic and Christian traditions of the Middle Ages, such as *Hikayat Amir Hamzah*, *Hikayat Muhammad Hanafiyah*, *El Cid of Spain* and *The Song of Roland*. The study focuses on the concept of heroism, the historical background, and the worldview of the societies which gave birth to these heroes, as well as the factors which motivate the epic characters to possess their respective attitudes.

With the battlefield as background the four epics produced the four heroes who demonstrated their capability and established their names and came to be categorised as national heroes after showing their valour in the battlefield.

They got involved in war was due to the religious principal of *jihad*. The meaning of *jihad* in both traditions were different; *jihad* for the Christian means 'holy war'. Those who were killed in the battle were called 'martyrs'. They aim to attain glory, wealth, position and

name and were promised by their religious leader that they would enter heaven after death.

It was different with the Islamic view. Whereby those who went for *jihad* and died in the path of God were called *syuhada*. Their *jihad* was accompanied by deep Faith and Fear of God and not for material gains. Those who died in the battlefield in defence of their religious would accordingly be awarded by God alone in the form of a place in Heaven.

It has been found that all four heroes in this study possess similar inner qualities such as fearlessness, physical strength, wisdom, expertise in the use of weaponry, and leadership or chieftainship in their respective societies. Accordingly, the four heroes can appropriately be categorised, according to Frye's theoretical construct as leaders with 'high mimesis' but who could not compete their environment. As human beings they also had character flaws and weaknesses.

The four heroes met their death as was fated. El Cid died at the age of 56 years old and was unfortunate that he could not see the territories that were once under the Islamic influence falling back into their hand. Roland too met his death tragically but not due to wounds of battle when he encountered an ambush; instead, his head blew up when he tried to blow his trumpet for help; and this was done as a last resort and self-sacrifice for the sake of saving his nation's good name.

Amir Hamzah too met his death while trying to help the Prophet Muhammad (p.b.u.h) who was fighting against the infidels. The tragedy was that his breast was cut open and his heart was bitten by the enemies in the hope that they too could become brave and daring like him. Muhammad Hanafiyah too met his death when the door of the cave suddenly shut by itself whilst he was still fighting against Yazid's forces who were the enemies and those who were innocent and hiding in the cave.

In conclusion, it was found that the comparison done on the four epics have revealed similarities and as well differences. This bit of knowledge can benefit not only students and researchers of Comparative Literature, but also those of Classical Malay/Nusantara Literature.

ISTILAH-ISTILAH UTAMA

(i) Epik

Pelbagai definisi dikemukakan oleh sarjan Barat dalam bidang Kesusasteraan mengenai istilah epik dan berbagai-bagai pandangan telah dikemukakan. Di antaranya ada yang menyatakan bahawa orang-orang Yunani keturunan *Ionian* di *Asia Minor* mencipta puisi-puisi epik. Ajaran guru kepada murid-muridnya yang memakan masa berabad-abad lamanya dimulai dengan puisi-puisi pendek sehingga kepada puisi naratif yang panjang. Pada abad ke-9 S.M. Puisi-puisi epik telah mencapai satu tahap kesempurnaan dengan terhasilnya *Iliad* dan *Odyssey* yang didendangkan oleh Homer.

Perkataan epik berasal dari perkataan Yunani, *epicos* yang bererti “menceritakan”. Tradisi naratif seperti ini selalu mengisahkan cerita-cerita mengenai tokoh seseorang pahlawan yang menjadi legenda kerana telah berjasa kepada bangsa atau negaranya. Tokoh-tokoh seperti itu pernah hidup pada suatu zaman yang dikenali sebagai Zaman Pahlawan. Contoh dari Barat yang boleh diberikan adalah epik Homer dari Yunani klasik iaitu *Iliad* dan *Odyssey*, *Aenied* dari

Romawi, *Chanson de Roland* dari Perancis, dan lain-lain (*The New Encyclopedia Britannica* Vol. 6, 1974:906).

Mengikut **Kamus Dewan** (1984:435), epik adalah sajak yang panjang yang menceritakan sejarah pahlawan (biasanya pahlawan dalam sejarah atau tradisi). Contoh epik dari Alam Melayu ialah **Hikayat Hang Tuah**.

Encyclopedia Colliers mencatatkan bahawa epik terbahagi kepada lima kumpulan iaitu epik-epik Homer, epik zaman empayar Romawi, epik pasca-klasik, epik *Renaissance*, dan epik moden. Contoh epik berasal dari sumber pra-sejarah yang menceritakan tentang kewujudan dewa-dewa atau tuhan-tuhan (menurut kepercayaan silam) dan kuasa *supernatural* lainnya ialah seperti yang terdapat dalam *The Creation Epic* dari Babylonia (2000 B.C); epik ini mengisahkan tentang kejadian dewa-dewa, tuhan Marduk, dan terciptanya manusia untuk berkhidmat kepada tuhan-tuhan.

Encyclopedia World Book pula mencatatkan bahawa epik dikategorikan ke dalam tiga jenis iaitu *folk epics*, *literary epic* dan *authentic epic*. Cerita-cerita epik berdasarkan legenda disebut *folk epics*; contohnya *Iliad* dan *Odyssey*. Epik yang dihasilkan daripada imaginasi pengarangnya disebut *literary epic* atau *art epic*; contohnya *Aenied* oleh Virgil, *Divine Comedy* oleh Dante serta *Paradise Lost* dan *Paradise Regained* oleh Milton. Epik yang dihasilkan selepas Milton ialah *Faust* oleh Goethe (*Encyclopedia World Book*, 1965:263).

Daripada pembahagian ini bererti cerita-cerita epik lainnya boleh dianggap sebagai epik tulen atau *authentic epic*.

Paul Merchant, dalam bukunya *Epic*, mengatakan bahawa epik boleh digolongkan ke dalam dua bentuk, iaitu teks epik klasik “tulen” yang kadangkala terpilih sebagai sumber tulisan berbentuk epik dan epik rekaan pengarang atau individu literati. Merchant seterusnya menggolongkan *Iliad*, *Odyssey*, *Beowulf* dan *The Song of Roland* ke dalam kategori epik “tulen” atau primitif (klasik); manakala *Aeneid* oleh Virgin dan *Paradise Lost* oleh Milton, digolongkan sebagai epik “secondary” atau “literacy” (Paul Merchant, 1970:vii).

Selanjutnya Paul Merchant juga memetik Ezra Pound yang berpendapat bahawa epik ialah puisi yang mengandungi sejarah. Ini bererti bahawa karya-karya epik mengandungi unsur-unsur daripada sumber sejarah.

Berbeza pula dengan pendapat Ker yang mengatakan bahawa epik adalah suatu istilah yang digunakan dengan bebas bagi puisi naratif tua; misalnya di kalangan orang-orang Jerman cerita-cerita epik dihasilkan dalam pelbagai dialek dan puisi-puisi naratif yang panjang seperti *Hiderbrand*, *Beowulf*, *Sigurd* dan *Brynhild*.

A. Bakar Hamid mengatakan bahawa epik boleh disifatkan sebagai “sastera sejarah yang mengandungi hal-hal yang seakan-akan kita anggap sebagai sejarah.” Ini memang sesuai dengan pendapat Meletinsky yang mengatakan bahawa epik klasik menggariskan sejarah

menurut kudrat puitika tempatan yang sebahagian besarnya bercorak kesejagatan (Dewan Sastera, Okt. 1996:7). Jadi, epik dan sejarah memang ada kaitan yang erat kerana kedua-duanya menceritakan tentang seseorang tokoh yang pernah hidup dan kemudian menjadi legenda kebangsaan bagi sesebuah negara atau wilayah berteraskan bangsa.

C.M. Bowra pula dalam bukunya, *The Heroic Poetry* memberikan istilah epik dan pahlawan yang membawa maksud yang sama, kerana beliau tidak mahu istilah tersebut menimbulkan kekeliruan.

Daripada pelbagai pandangan yang telah ditemui, dan untuk tujuan khusus kajian ini, dapatlah dirumuskan bahawa epik, atau cerita-cerita pahlawan, adalah karya prosa atau puisi panjang berbentuk naratif yang menceritakan tentang keberanian, kegagahan dan keperwiraan seseorang tokoh penting dalam sejarah sesuatu bangsa. Tokoh yang disanjung tinggi adalah watak utama dan ia benar-benar wujud dalam sejarah. Pendapat W.P. Ker dalam bukunya *Epic and Romance*, yang mengatakan bahawa '*the connexion of epic poetry with history is real*' (W.P. Ker, 1957:23), ada kebenarannya. Sebagai sebuah karya sastera tradisional, tokok tambah dalam cerita-cerita epik amatlah banyak. Peristiwa yang terjadi diulang-ulang dan setelah tokoh wira itu meninggal dunia, maka ia akan menjadi legenda kepada bangsa dan masyarakatnya dalam sesebuah negara berkenaan.

Jadi, epik adalah hasil karya yang menceritakan mengenai ketokohan, keberanian dan keperwiraan seseorang yang pernah hidup yang menjadi sanjungan negara dan bangsanya. Daripada proses kreatif yang kolektif itu juga dipercayai bahawa orang-orang India melahirkan *Ramayana* dan *Mahabharata*, orang-orang Greek melahirkan *Iliad* dan *Odyssey*, bangsa Inggeris melahirkan *Beowulf*, bangsa Sepanyol melahirkan *El-Cid of Spain*, bangsa Finland melahirkan *Kalevala*, dan lain-lain termasuklah *Hikayat Hang Tuah* yang mewakili bangsa Melayu.

(ii) *Hero*

Hero berasal daripada perkataan Yunani ‘heros’ yang juga digunakan untuk ‘wira’ dalam kesusasteraan mereka. **Kamus Dewan** mendefinasikan hero sebagai tokoh yang dihormati atau disegani kerana (sifat) keberanian, kegagahan, peribadi yang mulia dan lain-lain (1985:417). A. Rahman Napiah memetik ungkapan William King yang berkata bahawa ‘*heroisme*’ adalah pemujaan terhadap seseorang tokoh yang dianggap mempunyai kelebihan, keunggulan, berkarisma, dan berwibawa. Tokoh tersebut juga memiliki sifat-sifat luar biasa, tegap, kuat lagi perkasa dari segi fizikalnya serta mempunyai berbagai-bagai ilmu kebatinan apabila dilihat dari aspek rohaninya serta seorang yang sangat bijak dan pandai sehingga ia dapat dikategorikan sebagai manusia *superhuman* (A. Rahman Napiah, 1987:90).

Sidney Hook dalam bukunya *The Hero in History* mengatakan bahawa istilah *hero* menarik perhatian ramai dan beliau berpendapat istilah tersebut berbeza daripada segi makna dan sifat-sifat tokoh dari satu zaman dengan zaman yang lain. Beliau yang mengkaji tokoh sejarawan mengatakan bahawa ketokohan seseorang pemimpin terletak pada tahap dan keadaan. (*As far as the historical role of leadership is concerned, it is a question of degree and types of situation*) (S. Hook, 1969:12).

Bowra pula berpendapat bahawa seorang *hero* mestilah mempunyai sifat-sifat luar biasa yang mengatasi keagungan atau keistimewaan orang lain. Tokoh itu haruslah berbeza daripada orang lain dengan mempunyai kuasa-kuasa ghaib untuk membantunya. Kepopularannya tidaklah bergantung semata-mata kepada ilmu magisnya tetapi berdasarkan juga kepada unsur-unsur kebaikan personalitinya yang semula jadi (C.M. Bowra, 1966:91).

(iii) Wira

Penggunaan istilah wira tidak terbatas kepada satu makna sahaja. Dalam **Kamus Dewan**, 'wira' bererti pahlawan atau lelaki istimewa. Seseorang wirawan mestilah gagah berani dan gagah perkasa. Pengertian wira biasanya selari dengan maksud kepahlawanan (1985:165). Pada umumnya wira ditakrifkan sebagai seorang yang memiliki semangat dan sifat-sifat kepahlawanan ataupun seseorang

yang gagah berani; seseorang pahlawan atau perwira akan digelar sebagai 'wira'. Wira adalah lelaki yang berani, gagah, berasal dari keturunan yang baik, berbudi pekerti, pengasih, dan menghormati orang lain (Muhd. Mansur Abdullah, 1993:121). Selain itu, wira juga dikenali kerana memiliki kuasa ghaib, berperawakan tampan dan anggun yang sememangnya tiada tolok bandingan pada zamannya. Steckmesser mengatakan kisah hidup seseorang wira itu amat berkait rapat dengan kebenaran sosial daerah yang diwakilinya (Steckmesser, 1967:vii).

Kesimpulannya ialah istilah '*hero*' dan 'wira' membawa pengertian yang sama untuk melambangkan kepahlawanan seseorang tokoh yang mempunyai kualiti yang unik dan berbeza daripada manusia biasa. Sifat-sifat keberanian, kegagahan, ketangkasian, kebijaksanaan, dan keunggulan yang dimiliki menjadikan ia manusia luar biasa dalam konteks sejarah negaranya. Lantaran itu sesebuah negara akan merasa bangga dengan kewujudan mereka.

Dalam kajian ini istilah *hero* dan wira yang sebenarnya membawa makna yang sama akan digunakan silih berganti.

(iv) Zaman Pertengahan

Zaman Pertengahan atau *The Middle Ages* ialah suatu zaman yang unik dan istimewa serta mendapat pelbagai tafsiran daripada para

sarjana Barat. Zaman ini juga ada kaitan dengan teks-teks yang dikaji, terutamanya epik *El Cid of Spain* dan *The Song of Roland*.

Zaman Pertengahan diberikan nama tersebut pada abad ke-15 M dan ke-16 M oleh sekumpulan pelajar dari Itali, Perancis dan Jerman, yang menamakan diri mereka '*humanist*'. Sebelum itu, guru-guru dari Yunani telah pergi ke Rom dan memperkenalkan ilmu pengajian bahasa, sastera, falsafah serta pendidikan liberal. Orang-orang Rom menggelarkan bidang-bidang itu sebagai *hunanitas* dan telah menemui ilmu pengetahuan dan karya-karya kesusasteraan yang secara keseluruhannya telah dibina dengan kukuh semasa zaman kegemilangan empayar Romawi. Ilmu pengetahuan dan pelajaran itu adalah dalam bahasa Latin. Setelah empayar Romawi jatuh, bahasa Latin tidak diutamakan sepenuhnya dan sebaliknya bahasa-bahasa daerah digunakan. Golongan '*humanist*' dan cerdik pandai umumnya berpendapat bahawa pada keseluruhannya, Eropah dari abad ke-6 M sehingga ke-15 M boleh dipanggil sebagai '*a gulf in time, in the middle between 'then' and 'now' a 'middle age'*', iaitu suatu ruang masa di antara zaman lalu dan zaman kini, iaitu Zaman Pertengahan (Boris Ford (ed), 1990:46).

Seterusnya golongan ini juga meletakkan abad awal kejatuhan empayar Romawi sebagai Zaman Gelap atau '*Dark Ages*'. Zaman Gelap yang meliputi abad ke-6 M sehingga ke-11 M memperlihatkan fenomena kesusasteraan yang turut malap dan tidak popular lagi.

Kejatuhan kerajaan Romawi dan Yunani telah menyebabkan arus pergerakan kesusasteraan bertapak di tempat-tempat lain di Eropah (Boris Ford (ed), 1990:41-48).

Kagan dan rakan-rakan dalam buku mereka *The Western Heritage* telah mengemukakan pendapat bahawa terdapat tiga tahap perkembangan pada Zaman Pertengahan. Tahap awal berlaku sekitar tahun 476 M sehingga 1000 M; zaman kemuncak atau '*The Height of the Middle Ages*' adalah pada tahun 1000 M sehingga 1300 M; dan zaman menurunnya pada tahun 1300 M sehingga Zaman Kebangkitan Semula yang dikenali sebagai zaman *Renaissance*. Tahap awal yang berlaku sekitar tahun 476 M sehingga 1000 M sebagai '*The Dark Ages*'. Ini kerana mereka telah terputus hubungan dengan zaman klasik Yunani, terutamanya dalam bidang pengajian yang rasional dan saintifik. Pada masa itu juga, orang-orang gasar (*barbarian*) telah menyerang mereka dari utara dan timur. Zaman Pertengahan pada tahap kedua adalah zaman kemuncak dengan berlakunya perluasan kuasa politik di merata pelusuk Eropah. Dengan itu wujudnya kerajaan-kerajaan yang lebih teguh yang menyebabkan ilmu pengetahuan dan institusi sosial turut berkembang. Zaman ini dikenali juga sebagai zaman reka-cipta atau '*creative period*' yang berlaku sekitar tahun 1000 M sehingga 1300 M (Donald Kagan, et. Al., 1987:201).

Seperti yang dikatakan oleh Donald Kagan dan rakan-rakannya, Eileen Power dalam buku *Medieval Age* juga mengatakan bahawa

Zaman Pertengahan muncul setelah kejatuhan empayar Romawi, iaitu sebuah empayar agung semasa kegemilangannya, yang telah mendirikan sekolah-sekolah, universiti-universiti, melahirkan penulis-penulis dan pencipta-pencipta bangunan. Zaman itu juga dikenali sebagai Zaman Gelap; iaitu gelap dari segi ilmu pengetahuan dan sains yang pernah wujud pada zaman Yunani. Pada masa itulah empayar Romawi telah diserang dari utara dan timur oleh orang-orang gasar (*barbarian*). Sementara di selatan, kawasan Mediterranean telah ditakluki oleh orang-orang Arab (Eileen Power, 1966:1) yang masih belum menyerahkan ketamadunannya.

Thomas H. Greer pula berpendapat bahawa Zaman Pertengahan adalah suatu zaman kejayaan orang-orang Barat. Tahap awal zaman itu memperlihatkan tanda-tanda kelahiran ‘Eropah baru’ setelah keruntuhan tamadun Romawi. Pada Zaman Pertengahan telah wujud pencatat yang dikenali sebagai ‘*clerk*’ yang membawa maksud ‘sarjana’. Pada Zaman Pertengahan juga agama Kristian berkembang dan disebarluaskan bagi menggantikan fahaman *pagan* yang memuja benda-benda, tumbuh-tumbuhan dan fenomena alamiah. Agama Kristian ini juga telah dianuti oleh hampir seluruh bangsa Eropah dan agama ini kemudiannya memainkan peranan aktif dan penting dalam arena politik. Gereja-gereja tumbuh dengan pesat. Agama Kristian menganggap para penulis berkhidmat untuk Tuhan. Peristiwa-peristiwa yang berlaku dicatatkan oleh para sarjana tersebut

dan mereka mengarang demi untuk mengambil hati khalayak istimewa mereka (Thomas H. Greer, 1963:255).

Thomas H. Greer juga berpendapat bahawa pada Zaman Pertengahan cerita-cerita epik wujud kerana ia dianggap sejarah yang benar pada masa itu. Cerita-cerita tersebut ditulis sebagai hiburan golongan istana dan dinyanyikan oleh penyair profesional. Lagi pula mereka ingin menyambung masa tersebut dengan kegemilangan masa silam; jadi mereka mendendangkan perbuatan-perbuatan wira yang baik kepada penonton (Thomas H. Greer, 1963:255).

Seterusnya Thomas H. Greer mengatakan bahawa pada Zaman Pertengahan, pendidikan adalah dalam bentuk lisan dan begitu juga dalam perkembangan seni sasteranya. Sastera tersebar lebih meluas kerana diperdengarkan kepada umum dalam kebanyakan majlis daripada dibaca secara individu. Penutur atau “tukang cerita” ialah seorang profesional yang sejak dari kecil telah diajar menghafal cerita-cerita dan menyampaikannya dengan cara tertentu (Thomas H. Greer, 1963:255).

Norman Daniel mengatakan bahawa orang-orang Arab mempunyai pandangan bahawa Zaman Pertengahan tidak pernah wujud. Yang mereka fahami adalah satu tahap yang penuh kegemilangan diikuti dengan tahap peralihan yang diganggu oleh orang-orang luar yang bertutur bahasa Arab dan kemudian melalui



tahap “kawalan orang-orang asing” tetapi masih di bawah pemerintahan orang-orang Islam (Norman Daniel, 1975:2).

Ali Ali Mansur dalam bukunya **Islam Dalam Perhubungan Antarabangsa** memetik Nicholson yang mengatakan:

“Ciptaan hari ini tidak dapat menandingi jasa orang Arab yang kita semua merasa terhutang budi kepada mereka. Mereka yang menyuluhi abad-abad pertengahan sehingga menjadi terang benderang, sedangkan abad pertengahan adalah suatu abad yang paling gelap bagi Eropah.”

(Ali Ali Mansur, 1994: 31-32)

Selain itu, Ali Ali Mansur juga memetik G. Lebon yang turut mengakui jasa tamadun Islam dengan mengatakan:

“Pengaruh bangsa Arab di Barat terlalu besar. Merekalah orang yang paling berjasa dalam menegakkan tamadun Eropah. Peranan mereka di Barat tidak kurang dari peranan mereka di Timur; ketika bandar-bandar Islam di Andalusia bersinar megah pada abad-abad 9 M dan 10 M, pusat-pusat pengajian di seluruh negara Barat merupakan mahligai yang didiami oleh ketua-ketua yang separuh biadap...Dalam abad ke 11 M sesetengah negara Eropah telah mula merasai keperluan untuk menghapuskan kejahilan mereka. Lalu mereka mengetuk pintu orang Arab kerana di waktu itu hanya orang Arab sahaja yang pakar dalam bidang ilmu pengetahuan. Ilmu pengetahuan telah masuk ke Eropah melalui Andalusia, Sicily dan Itali”.

(Ali Ali Mansur, 1994: 31-32)

Kesimpulannya daripada huraian di atas ialah Zaman Pertengahan adalah suatu zaman istimewa yang mengandungi pelbagai

kisah bermula dengan keruntuhan empayar Romawi iaitu sekitar tahun 476 M. Ada tiga peringkat atau tahap yang terdapat pada Zaman Pertengahan. Peringkat pertama dikenali dengan nama Zaman Gelap (*Dark Ages*). Maksud Zaman Gelap ialah wujudkan “kegelapan” atau “kejahilan” dalam bidang ilmu pengetahuan. Peringkat kedua dikenali dengan nama Zaman Pertengahan (*Middle Ages*) dan ia adalah kemuncak zaman pertengahan kerana pada masa itulah terdapat perkembangan dalam bidang ilmu pengetahuan, pembinaan bangunan-bangunan dan kemunculan cerdik pandai atau cendekiawan. Pada peringkat ketiga ia dikenali dengan nama Zaman Menurun atau merosot. Ini disebabkan berlakunya peperangan dan serangan daripada orang-orang luar. Zaman Pertengahan berakhir pada tahun 1500 M dengan kemunculan era baru iaitu Zaman *Renaissance* atau Zaman Kebangkitan Semula. Kenyataan Nicholson dan G. Lebon tentang pencapaian tamadun Islam pada ketika zaman pertengahan Eropah berada dalam kegelapan membuktikan bahawa selama lebih 1000 tahun (476 M sehingga 1500 M) tamadun Barat berada dalam kegelapan, tetapi itulah pula zaman kegembilangan tamadun Islam.

(v) **Zaman Pahlawan atau *The Heroic Age***

Encyclopædia Britannica (Jilid 5) mencatatkan bahawa Zaman Pahlawan ialah satu zaman wujudnya satu generasi manusia yang mempunyai sifat-sifat pahlawan seperti handal, hebat dan

berkebolehan. Kehidupan masyarakat yang tiada organisasi itu dipenuhi dengan peristiwa dan pengembaraan untuk mencari barang rampasan. "*The love of the battle scene*" adalah kejadian yang lumrah dan menjadi lebih penting daripada hal-hal lain. Pada zaman itu manusia yang mempunyai kekuatan fizikal, pandai bermain senjata dan dibantu kuasa magis, dianggap sempurna (*ideal*) dan dialah seorang wira. Wira terkenal kerana memiliki perwatakan susuk badan yang tampan, kekebalan dan anggun yang tiada tolok banding pada zamannya. Ini menunjukkan bahawa pada zaman itu manusia bergantung kepada kekuatan tenaga jasmani lebih daripada kuasa intelek (*Encyclopediæ Britannica, Jld 5:882*).

Seterusnya *Encyclopediæ Britannica (Jilid 5)* mencatat pandangan Hesiod yang menyatakan bahawa Zaman Pahlawan wujud sebelum Zaman Besi; iaitu suatu zaman di mana manusia gemar berselisih faham dan berbalah sesama manusia. Manusia dikatakan berasal daripada keturunan dewa dan kekal abadi (*mortal*). Hesiod juga menyatakan bahawa Homer yang mengarang puisi-puisi *Iliad* dan *Odyssey* pada abad ke-8 S.M (750 dan 700 S.M) adalah tukang cerita yang wujud pada Zaman Pahlawan. Manakala peristiwa kemuncak dalam puisi-puisi itu adalah tentang peperangan Troy (*Encyclopediæ Britannica Jld 5:882*).


Chadwick dalam bukunya *The Heroic Age* (1926) telah membuat kajian tentang Zaman Pahlawan dan beliau mengatakan

bahawa zaman tersebut pernah dialami oleh orang-orang Teutonic. Mereka ialah orang-orang gasar atau *barbarian* yang datang dari utara dan menyerang tentera-tentera Rom pada 105 S.M. (Donald Kagan et al., 1987:135). Seterusnya Chadwick menyatakan bahawa Zaman Pahlawan pada tahap kemuncak ialah pada abad ke-6 M. Pada masa itu puisi-puisi naratif yang menceritakan tentang keperwiraan telah ada. Chadwick juga menyatakan bahawa Charlemagne, raja Perancis, mempunyai minat mengumpul cerita-cerita rakyat tempatan dan puisi-puisi lama yang mengisahkan tentang pertempuran dan jasa baik raja-raja dahulu kala (Chadwick, 1926:62).

Chadwick juga menyatakan bahawa pada Zaman Pahlawan, penceritaan adalah dalam bentuk puisi atau prosa yang mengisahkan tentang keperwiraan seseorang tokoh yang menjulang namanya menjadi masyhur. Peperangan sering terjadi disebabkan pergaduhan peribadi di antara raja sesebuah daerah dengan raja di daerah jirannya atau di antara keluarga diraja itu sendiri. Selain itu tujuannya juga adalah untuk menuntut bela atau ingin mengalahkan pihak lain bagi merebut sesuatu kawasan. Pemerolehan harta rampasan adalah tujuan utama serangan dilakukan dan sekiranya mereka menang, para pengikut atau pejuang mereka akan turut mendapat habuan yang berbentuk hadiah dan itu adalah prinsip dan amalan yang wujud sepanjang Zaman Pahlawan (Chadwick, 1926:62-63).

Selanjutnya Chadwick menyatakan bahawa puisi-puisi epik didendangkan dengan memberi kata-kata pujian dan sanjungan kepada wira-wira yang berjuang di medan perang. Hal tersebut bertujuan untuk meniupkan semangat keperwiraan kepada penonton bahawa mereka pernah memiliki para wira dalam Zaman Pahlawan. Lantaran itu mereka berharap akan muncul pula di kalangan pendengar pendengar itu wira-wira baru yang akan mengikut jejak langkah dan mewakili karisma dan kewibawaan seperti wira mereka dahulu.

Kesimpulan daripada tinjauan awal kajian ini ialah Zaman Pahlawan ialah suatu zaman yang mempunyai ciri-cirinya yang tersendiri. Pada masa itu manusia sering berperang kerana merebut kawasan dan juga merampas harta orang lain. Wira pada zaman tersebut memiliki sifat-sifat berani, gagah perkasa, susuk badan yang tampan dan handal bermain senjata ditambah pula dengan memiliki kekuasaan magis. Ini menjadikan mereka lebih bergantung kepada kekuatan tenaga fizikal daripada kuasa intelek. Setelah berlalunya Zaman Pahlawan, kegembilangan zaman itu dikenang kembali dan peristiwa-peristiwa dirakamkan dalam bentuk puisi-puisi.



BAB 1

PENGENALAN

Cerita-cerita epik memang mendapat perhatian dan dikaji oleh para sarjana dalam bidang Kesusasteraan terutama di England, Perancis, Itali dan Amerika Syarikat. Cerita-cerita epik mengesahkan keperwiraan seseorang tokoh daripada sesuatu bangsa dan bangsa itu seperti Perancis, England, Itali, Rusia, China, India dan lain-lain dan mereka akan berbangga dengan sifat-sifat keperwiraan tokoh epik mereka. Di antara sifat utama tokoh epik yang diagung-agungkan itu ialah sifat-sifat keberanian, ketangkasan dan kesediaannya berjuang demi untuk mempertahankan negaranya daripada ancaman atau serangan musuh.

Mengikut sarjana Felix Oinas (dalam *The Heroic Epic and Saga*, 1978) cerita-cerita epik telah menarik minat para sarjana Barat untuk membuat kajian dalam bidang ini. Di antaranya ialah H.Munro dan N.Kershaw Chadwick dalam buku mereka berjudul *The Growth of Literature* yang panjangnya tiga jilid. C.M. Bowra pula telah



menghasilkan bukunya berjudul *Heroic Poetry*, Paul Merchant juga telah menghasilkan bukunya yang berjudul *The Epic*, dan ramai lagi yang cuba menganalisis cerita-cerita epik Homer serta karya-karya sastera Barat lain. Namun pada pendapat Felix Oinas (1978:Preface) hasil-hasil yang dikemukakan itu tidak mencukupi kerana masih banyak lagi hasil atau karya epik yang belum dibukukan.

Richard M. Dorson, salah seorang pengkaji sastera rakyat Amerika Syarikat, yang terkenal dalam bidang *folklore* kaum pendatang Eropah di Amerika Utara mengatakan, bahawa cerita-cerita epik dan saga telah menarik minat dua golongan penonton, iaitu pada zaman tradisi lisan dan satu lagi pada zaman moden setelah cerita-cerita tersebut dibukukan (Oinas, 1978:1).


Di antara cerita-cerita epik yang terkenal atau termasyhur di Barat ialah *Iliad* dan *Odyssey* yang dipercayai telah dikarang oleh Homer. Dari India pula, epik yang terkenal ialah *Ramayana* dan *Mahabharata* yang ditulis oleh Bhagawan Vysa; karya-karya tersebut mengisahkan kepahlawanan keluarga Pandawa yang ada hubungannya dengan sejarah India (*Ensiklopedia Malaysiana*, edisi 1996, Jld. V:320). Contoh-contoh epik yang lain ialah *Kalevala* dari Finland, *Beowulf* dari kesusasteraan Anglo Saxon, *Gilgamesh* dari Sumeria, *Manas* dari tradisi Kara-Kirghiz, dan lain-lain. Tidak dinafikan bahawa dalam kesusasteraan Islam juga terdapat cerita-cerita epik seperti *Shahnameh* dan *Hikayat Amir Hamzah* oleh Firdaousi yang

kemudiannya diedit oleh Van Ronkel pada tahun 1895; **Hikayat Muhammad Hanafiyyah** yang diedit oleh L.F. Brakel pada tahun 1975; **Hikayat Iskandar Zulkarnain**, **Hikayat Saif Zul Yazan**, dan lain-lain lagi.

1.1 Tujuan Kajian

Kajian ini bertujuan untuk memperlihatkan ciri-ciri persamaan dan perbezaan di antara cerita-cerita epik yang terpilih dari tradisi Kristian dan Islam. Sepanjang yang dapat dikesan hingga kini belum ada lagi kajian yang dibuat secara perbandingan meliputi kedua-dua bidang atau warisan kesusasteraan tersebut. Kajian seumpama ini memang jarang diterokai dan diminati oleh pengkaji tempatan. Oleh itu segala dapatan diharap akan dapat merapatkan dua kebudayaan yang berbeza iaitu kebudayaan Barat dan Timur melalui karya kesusasteraan. Namun begitu terdapat juga kajian perbandingan yang pernah dilakukan oleh Noriah Taslim (1986) yang telah menghasilkan **Asas-asas Pembinaan Epik**, iaitu satu kajian perbandingan di antara **Hikayat Amir Hamzah** dan **Hikayat Hang Tuah** yang dianalisis daripada aspek struktur.

Kajian ini akan meneliti dan memberi penekanan terhadap aspek-aspek konsep, pendekatan serta ciri-ciri kepahlawanan dan pandangan hidup (*world-view*) daripada kedua-dua kebudayaan. Kajian ini juga diharap akan dapat menyingkap dan menghuraikan tentang



rahsia kekuatan wira-wira daripada kedua-dua tradisi itu dan mengetahui faktor-faktor yang menyebabkan wira-wira tersebut sanggup mempertarungkan nyawa mereka dalam medan peperangan. Selain itu kajian ini diharap akan dapat menambahkan lagi maklumat dalam bidang kesusasteraan klasik, iaitu meneliti keistimewaan yang terselit dalam epik-epik berkenaan, melihat wira kedua-dua tradisi itu dari perspektif tamadun masing-masing dan mengenali peranan masyarakat pada zaman itu dari sudut politik, ekonomi dan sosial.

Oleh itu diharap kajian ini dapat memberi faedah dan pengetahuan kepada peminat sastera tradisional, terutamanya mengenai zaman lampau yang belum mengenali alat senjata canggih yang dalam keadaan serba kekurangan tetapi masih berupaya melahirkan wira-wira yang telah mengharumkan nama negara dan bangsa mereka masing-masing. Akhir sekali kajian seumpama ini diharap akan menjadi pembuka jalan kepada kajian-kajian yang lebih mendalam lagi dalam bidang yang sama.

1.2 Bahan dan Skop Kajian

Kajian ini akan ditumpukan pada cerita-cerita epik berunsur kepahlawanan berdasarkan penelitian khusus ke atas dua buah teks berbentuk epik dari tamadun Kristian dan dua buah teks dari warisan Islam.¹ Teks-teks yang dikaji ialah *El Cid of Spain* dan *The Song of*

Roland dari tradisi Kristian dan **Hikayat Muhammad Hanafiyah** dan **Hikayat Amir Hamzah** dari warisan Islam.

Empat teks tersebut dipilih kerana dicipta dalam zaman yang khas yang membolehkan timbulnya beberapa sifat istimewa yang terkandung di dalamnya. Umpamanya teks-teks yang dipilih dari tradisi Kristian kebetulan sahaja berasal dari negara-negara Perancis dan Sepanyol yang pada masa itu (Zaman Pertengahan) sedang bermusuhan dengan orang-orang Islam dalam konteks ‘Perang Salib’.

Teks **Hikayat Amir Hamzah** dipilih kerana ia mengisahkan peristiwa yang berlaku sebelum kedatangan agama Islam. Amir Hamzah telah dilahirkan dalam zaman jahiliah, iaitu suatu zaman masyarakat Arab berada dalam kesesatan dengan menyembah berhala, melakukan perkara-perkara yang Allah SWT larang seperti suka membunuh terutama anak-anak perempuan, melakukan zina, suka berperang dan pelbagai kemungkaran. Hidup mereka berpuak-puak. Puak-puak yang kuat menawan puak-puak yang lemah lalu dijadikan hamba abdi mereka. Peperangan sering tercetus disebabkan perkara kecil.

Amir Hamzah beragama Islam yang dibawa oleh Nabi Ibrahim a.s. Beliau tidak suka melihat kemungkaran berlaku dalam masyarakatnya. Oleh itu peperangan yang beliau turut terlibat adalah untuk membanteras orang-orang kafir agar meninggalkan amalan dan cara hidup mereka dan mengajak mereka memeluk agama Islam.

Perjuangan beliau adalah dianggap sebagai jihad kerana beliau menentang kemungkaran dan larangan Allah SWT.

Amir Hamzah terkenal memiliki sifat-sifat gagah perkasa, berani, bijaksana dan disegani di kalangan Kaum Quraisy. Masyarakat Arab amat menyanjung beliau dan mereka merasa megah dan bangga kerana di kalangan mereka ada juga seorang pahlawan yang agung, setanding dengan pahlawan-pahlawan dari bangsa lain pada masa itu.

Selain daripada itu, teks ini turut mempamerkan perkembangan agama Islam ke seluruh Semenanjung Tanah Arab sehingga ke kawasan taklukan bangsa Rom di sebelah utara. Didapati bahawa setiap perjuangan membela agama Islam sentiasa mendapat pertolongan Allah SWT dan setiap peperangan yang dilancarkan memperolehi kemenangan.

Hikayat Muhammad Hanafiyah pula dipilih kerana ia mengisahkan tentang peperangan yang berlaku di antara puak syi'ah dan Bani Umayyah. Persengketaan terjadi apabila Muawiyah mengistiharkan anaknya, Yazid sebagai putera mahkota dan bakal penggantinya. Amir Husain menentang. Di atas undangan puak syi'ah di Kufah, Amir Husain berangkat bersama-sama keluarganya ke sana untuk menuntut haknya sebagai khalifah. Semasa sampai ke Karbala, beliau telah diserang dan dibunuh. Muhammad Hanafiyah datang menuntut bela di atas kematian Amir Husain. Peperangan yang berlaku dianggap sebagai jihad menentang puak-puak Bani Umayyah yang



telah menjadi kufur, iaitu meninggalkan dan melanggar hukum Islam dan Allah SWT.

Kedua-dua teks tersebut memang terkenal di tempat asalnya iaitu di Tanah Arab. Para pendakwah pula telah membawa teks-teks tersebut ke Alam Melayu dan diterjemahkan untuk menyebar dakwah Islamiah. Masyarakat Melayu mudah menerima kerana ia ada kaitan dengan agama Islam dan Nabi Muhammad s.a.w. Teks-teks tersebut turut menjadi pilihan Sultan Melaka untuk dibacakan kepada perajurit Melaka sebagai sumber kekuatan, semangat dan perangsang bagi menentang serangan Portugis dalam tahun 1511 M.

Teks-teks ini juga dipilih kerana ia turut mengandungi ciri-ciri unik dan istimewa dari segi strukturnya seperti gaya bahasa, jalan cerita, tema, bentuk dan juga sebagai bahan yang berguna untuk mempelajari pelbagai garis panduan bagi keperluan moral. Ia juga bagi mengenalpasti kesan yang timbul daripada karya-karya tersebut dalam jiwa pembaca seperti yang Rene Wellek pernah menyebutnya:

“Kita harus dapat merujuk sesebuah karya seni kepada nilai zamannya sendiri dan kepada nilai-nilai zaman selepasnya. Sesebuah karya seni adalah ‘kekal abadi’ dan juga bersejarah.”

(Rene Wellek (trans.), 1988:55)

Kajian ini mencakupi enam (6) bab. Bab pertama ialah Pengenalan yang menerangkan tujuan, skop dan bahan kajian dan metodologi yang digunakan dalam kajian ini. Bab Kedua meneliti

konsep *genre* dan wira-wira epik: ciri-ciri kesejagatan dan kedaerahan. Bab Ketiga adalah tentang teks dan konteks. Bab Keempat membentangkan perbandingan ciri-ciri epik tradisi Kristian dan Islam. Bab Kelima adalah perbandingan sifat-sifat khusus wira (*heroic attributes*) dan Bab Keenam adalah Penutup.

1.3 Metodologi

Kajian ini akan menggunakan pendekatan dan analisis struktural, iaitu meneliti bagaimana elemen-elemen struktur yang terkecil berperanan dalam pembinaan sesebuah karya epik sehingga mewujudkan aspek-aspek seperti tema, plot, perwatakan, latar dan sebagainya yang menjadi asas perbandingan.

Turut digunakan ialah teori ‘*modes*’ Northrop Frye yang telah mengadaptasikan teori *genre* Aristotle tentang lima kategori wira (protagonis) iaitu wira mitos, wira *romance*, wira pemimpin, wira biasa dan wira *ironic*. Dengan yang demikian dapatlah dilihat adakah teks-teks yang dikaji turut mengandungi konsep wira yang beliau gariskan.

Kajian ini juga akan menggunakan istilah kontekstual iaitu menggunakan perbandingan teks dan konteks. **Analisis Kontekstual** (R.M. Dorson, ed., 1972:45-47; M. Khalid-Taib, 1981:23-26, 36-116)² pula membolehkan penelitian teks-teks berkenaan mengambil manfaat dari “konteks sejarah dan sosiobudaya” yang telah wujud di sekitar

teks-teks itu. Manakala pendekatan Kontekstual ini ada fungsinya, penerapannya mungkin akan menjadikan analisis struktural³ itu bercorak “gunaan” dan “tidak tulen”. Walau bagaimanapun, analisis dan pendekatan gabungan yang digunakan di sini diharap akan menemukan unsur-unsur intrinsik (tekstual) dan aspek-aspek *worldview* yang boleh dideretkan untuk tujuan perbandingan. Dengan ini kita dapat melihat apakah yang menyebabkan wira bersikap sedemikian, bagaimana nama dan keistimewaan mereka boleh ‘hidup’ merentasi zaman, mengapa masyarakat bersikap sedemikian dan lain-lain.

Dengan penggunaan teori dan pendekatan tersebut diharapkan segala dapatan akan memperkemaskan lagi kajian perbandingan ini.

1.4 Kajian yang Sedia Ada tentang Epik

Sebelum meneruskan kajian ini, dirasakan perlu diuraikan secara ringkas sejarah pertumbuhan Teori Epik yang diasaskan oleh Aristotle. Dalam sejarah dan tanggapan Teori Kesusastraan, epik pada asalnya lahir dalam bentuk puisi panjang yang juga disebut puisi naratif yang mengisahkan tentang keperwiraan seseorang lelaki yang memiliki ciri-ciri satria dan gagah perkasa. Aristotle membahagi-bahagikan pelbagai jenis puisi yang terdapat pada zamannya kepada tragedi, epik dan drama. Beliau telah meletakkan tragedi dan epik ke dalam satu jenis, iaitu satu *genre* berdasarkan

“peniruan terhadap fenomena yang sebenar”, dan mengangkat Tragedi sebagai seni yang lebih tinggi daripada Epik.

“Tragedy is said to be the imitations of an action with the end of arousing in the spectator the emotions of pity and fear, thereby effecting the catharsis of these emotions and a concomitant feeling of pleasure.”


(*Encyclopedia Americana*, 1963 (repr.) Vol 2:245)

Pendapat beliau telah mendapat tentangan daripada pengkritik, terutamanya pada zaman *Renaissance*, yang meletakkan *genre* epik sebagai yang tertinggi (Abrams, M.H. 1993 (repr): 54). Mengikut Alastair Fowler dalam bukunya *Kinds of Literature* (1982:216) pada akhir abad ke-16 M sehingga pada awal abad ke-18 M, para pengkritik telah bersetuju meletakkan epik bukan sahaja sebagai *genre* yang paling tinggi tetapi juga sebagai *genre* yang paling baik. Beliau telah memetik pendapat beberapa orang sarjana yang mengatakan tentang epik seperti berikut:

“Webbe called it “that princely part of poetry”; Sidney, “the best and most accomplished kind of poetry”; Mulgrave, “the chief of human sense”; while Soames and Dryden, following Boileau said that in epic “fiction must employ its utmost grace.”

(Alastair Fowler, 1982:216)⁴

Teori Aristotle turut dikritik dan kemudiannya telah diubahsuai oleh sarjana Itali seperti Minturno dan Tasso, sarjana Perancis seperti Le Bossu, dan dari England seperti Milton; ini berlaku sejak abad



ke-17 M sehingga ke abad 20 M (H.T. Swederberge, Jr., 1942:Bab 1).

Aristotle telah memperkenalkan teori epiknya seperti yang terdapat di dalam bukunya *Poetics* pada bab 23 dan bab 24, dengan menggariskan beberapa ciri yang perlu ada pada epik seperti yang dipetik oleh Peter Toohey:

- i) *it must have a plot structure which is 'dramatically' put together*
- ii) *the plot should present a single action 'with beginning; middle and end'*
- iii) *epic should have a unity that is not merely temporal or sequential, nor produced simply by concentrating on a single hero*
- iv) *an epic plot ought to be 'compact enough to be grasped as a whole unit';*
- v) *an epic, like tragedy, should contain reversal, recognition, and calamity;*
- vi) *epic should conform mostly to be criterion of what is probable*

(Peter Toohey, 1992:1)

Manakala Mohamad Khalid-Taib (1993:9) telah memetik Northrop Frye (1957/1973) yang mengadaptasi teori *genre* Aristotle tentang lima kategori wira (protagonis) di dalam karya prosa dan fiksyen, dan telah menterjemahkan unsur-unsur teori tersebut seperti berikut:

- i) Wira mitos yang memperlihatkan sifat-sifat luar biasa (juga unsur-unsur *divine*) tergolong ke dalam jenisnya sendiri, serta melebihi manusia lain dalam alam sekitarnya;

- ii) Wira *romance* (seperti dalam sastera rakyat) melebihi manusia lain dan alam sekitarnya sekadar dalam darjat (tetapi bukannya berbeza daripada segi jenis);
- iii) Wira pemimpin yang melebihi manusia lain (dari segi sifat-sifat kepimpinan) tetapi tidak melebihi alam sekitarnya; wira ini mempunyai '*high mimesis*' menurut teori Aristotle;
- iv) Wira biasa (atau protagonis biasa) yang tidak memperlihatkan sebarang keistimewaan melebihi manusia biasa ataupun alam sekitarnya; tokoh sedemikian mempunyai '*low mimesis*' menurut teori Aristotle; dan

- V) Wira *ironic* yang mempunyai ciri-ciri yang lebih rendah daripada sifat manusia biasa (*anti-hero*);

Para sarjana dan pengkritik sastera memberi pelbagai pandangan tentang teori epik, namun teori epik Aristotle tetap merupakan asas kepada *genre* epik dan sering menjadi bahan rujukan yang berguna kepada pengkaji pada zaman selepasnya.

NOTA HUJUNG

¹Teks-teks dari tamadun Islam yang dipilih ialah **Hikayat Muhammad Hanafiyah** dan **Hikayat Amir Hamzah**. Ismail Hamid mengkelompokkan kedua-dua teks tersebut ke dalam karya-karya Kesusastraan Melayu pengaruh Islam (Ismail Hamid, 1983:10). Manakala Siti Hawa Salleh telah mengelompokkan hasil-hasil karya klasik dari kesusastraan Islam yang diwarisi oleh tradisi kesusastraan Melayu menerusi terjemahan, ke dalam kategori Sastera Kepahlawanan Islam (Siti Hawa Salleh, 1997:263). Kategori yang diberikan oleh Siti Hawa Salleh terhadap kedua-dua epik ini lebih sesuai kerana cerita-ceritanya adalah mengenai kepahlawanan dan keperwiraan watak-watak utamanya iaitu Amir Hamzah dan Muhammad Hanafiyah.

²Analisis Kontekstual

Analisis kontekstual bermaksud bahawa sesebuah hasil karya memaparkan sejarah kehidupan masyarakat dalam satu-satu zaman tertentu. Pengarangnya peka terhadap pelbagai masalah manusia yang berbagai ragam lalu menghasilkan karya-karya yang bersangkutan dengan sejarah masyarakat di sekelilingnya pada masa itu merangkumi hal-hal politik, ekonomi dan sosial. Contohnya teks **Sejarah Melayu** memaparkan urutan kisah-kisah mengenali asal-usul, pembukaan, kenaikan dan kejatuhan kerajaan Melaka pada abad ke-16 M.

³Analisis Struktural

Perkataan struktural berasal daripada perkataan Inggeris '*structure*' yang bererti susunan, binaan, rangka atau bingkai bangunan (*Kamus Dwibahasa*, 1981 (edisi kedua): 1245). Contohnya sebuah rumah yang terdiri daripada beberapa elemen yang saling berhubungan seperti bahagian bumbung, tiang dan lantai. Setiap bahagian ada lagi komponen-komponen kecil umpamanya pada bahagian bumbung terdapat tapak alang-alang, kasau, rabung dan atap. Pada bahagian tiang pula terdapat tiang kecil, tiang besar (tiang seri), dinding dan tingkap. Dan pada bahagian lantai pula terdapat penyambut dan gelegar. Setelah elemen-elemen ini dihubungkan maka terbentuklah sebuah rumah.

Pendekatan struktural atau formalistik ini telah diperkenalkan oleh segolongan pengkritik di Amerika pada tahun 1930-an. Mereka telah menggelarkan diri mereka sebagai *New Critics*. Di antara yang terkemuka yang menggunakan pendekatan ini ialah William Empson, John Crowe Ransom, Cleanth Brooks dan Robert Penn Warren. Mereka melihat sesebuah karya itu dari sudut dalaman karya atau instrinsik dan menyatakan untuk mencapai tahap huraiyan yang baik komponen-komponen seperti tema, plot, watak, bahasa, sudut pandangan, latar, nada, suasana dan sebagainya menjadi asas dan dasar kritikan jenis ini (Mana Sikana, 1998:125).

Shahnon Ahmad juga menyatakan bahawa untuk mengkaji sesebuah hasil karya dari sudut struktural, elemen-elemen seperti plot, watak, ide, latar, cerita, gaya bahasa dan sudut pandangan perlu diberi perhatian (Shahnon Ahmad, 1980:9-79).

Jadi, analisis atau huraiyan struktural bermaksud sebuah karya itu dilihat pada elemen-elemen tersebut. Analisis pertama dilihat dari aspek tema. Tema (selalunya tersembunyi di dalam cerita), seharusnya mempunyai pertalian dengan persoalan-persoalan yang diceritakan di dalam karya. Iaitu membincangkan tentang isi karya yang memerlukan hujah, alasan, bukti dan kedalamannya taakulannya (Mana Sikana, 1988:127).

Kedua, ialah tentang plot. Makna plot ialah jalan cerita, rentetan peristiwa dan gerakan kejadian yang berterusan. Mengikut tradisi, plot berkembang mengikut tertib; iaitu pengenalan, perkembangan dan penutup. Unsur-unsur tegang, kejutan, kemuncak dan peleraian diselitkan untuk memperkembangkan plot.

Ketiga dibincangkan tentang watak. Watak adalah elemen yang penting dan menjalankan semua peristiwa dan munculnya sebab-akibat yang memungkinkan terjadinya plot (S. Othman, 1982:32). E.M. Forster membahagikan watak kepada dua jenis; iaitu watak 'bulat' dan watak 'pipih' (E.M. Forster, 1971:75). Watak 'bulat' bermaksud watak yang utama dan penting. Manakala watak 'pipih' adalah watak sampingan atau kecil dan kurang berperanan. Jadi, wataklah yang menghidupkan, menggerak dan mengembangkan sesebuah cerita.

Seterusnya diuraikan tentang latar. Latar adalah tempat atau kawasan yang tertentu yang menjadi ruang kepada watak-watak bergerak atau berpijak. Latar dikaji dari sudut latar tempat, latar masa, budaya, sosial, ekonomi dan sebagainya. Dalam sesebuah karya yang berbentuk sejarah, latar tempat dan masa ini amat penting kerana unsur persejarahan itu sendiri melibatkan persoalan di mana dan bila kejadian itu berlaku (Mano Sikana, 1998:141).

Gaya bahasa atau stail pula ialah cara pengarang sesebuah cerita memilih kata-kata, ayat-ayat, ungkapan-ungkapan, perbandingan-perbandingan dan gambaran-gambaran bahasa secara tersendiri. Shahnon Ahmad menyatakan bahawa stail itu adalah gambaran keperibadian seseorang pengarang (Shahnon Ahmad, 1980:9).

Sudut pandangan atau *point of view* adalah cara pengarang melihat karyanya. Menurut Wellek dan Warren, Forster, Boulton dan Shahnon Ahmad bahawa sudut pandangan itu ada dua yang utama. Pertama disebut sudut pandangan orang pertama yang turut terlibat secara langsung. Cara ini menggunakan 'aku' atau 'saya'. Manakala keduanya ialah sudut pandangan orang ketiga serba tahu atau *omniscient*, iaitu pengarang menjadi dewa mahatahu yang menggerakkan watak-wataknya seperti patung. Sudut pandangan ini digunakan dengan leluasa kerana ia lebih mudah dan lebih mendalam (S. Othman, 1982:46).

Pembahagian genre oleh Alastair Fowler

Paradigm of main Genre

Cicero	<i>Tragic, comic, epic, melic, dithyrambic</i>
Horace	<i>Epic, elegiac, iambic, lyric, comic, tragic, psathyric</i>
Diomedes	<i>Genus Commune: epic, lyric, genus enarrativum; preceptive, historical, didactic, genus dramation; tragic, comic, satyric, mimic</i>
Sidney (1583)	<i>Epic, lyric, tragic, comic, iambic, elegiac, pastoral</i>
Harington (1591)	<i>Epic, tragic, comic, satiric, elegiac, amatory (pastoral, sonnet, epigram)</i>
Meres (1598)	<i>Epic, lyric, tragic, comic, satiric, iambic, elegiac, pastoral, epigram</i>
Phillips (1675)	<i>Epic, dramatic, lyric, elegiac, epoenetic, bucolic, epigrammatic</i>
Dryden's Boileau (1683)	<i>Epic, tragic, satiric, epigrammatic, lyric (ode).</i>
	<i>(1674) elegiac, pastoral</i>

Sumber: Alastair Fowler, 1982:220

BAB 2

KONSEP GENRE DAN WIRA EPIK; CIRI-CIRI KESEJAGATAN DAN KEDAERAHAN

2.1 Pengenalan

Bab ini membicarakan tentang konsep *genre* dan wira epik yang dilihat dari sudut kesejagatan dan kedaerahannya yang terdapat dalam zaman klasik Yunani, kesusasteraan klasik India, Islam dan Zaman Pertengahan.

Di kalangan para pengkaji Kesusasteraan Dunia, umumnya dipersetujui bahawa kesusasteraan bertulis bermula di Barat dengan epik *Iliad* dan *Odyssey* oleh Homer. Kedua-dua puisi tersebut telah ditulis pada abad ke-6 S.M. Buckner dalam bukunya *World Literature, Volume 1*, mengatakan bahawa selama dua ribu tahun Homer dikenali sebagai tokoh ulung sebenar kesusasteraan Barat dan kedudukannya tidak tergugat sehingga berabad-abad lamanya (Buckner B. Trawick, 1967:43).¹

Puisi-puisi *Iliad* dan *Odyssey* telah diterima sebagai epik agung dan ia telah dijadikan bahan bacaan sekolah di Yunani untuk beberapa



abad. Iskandar Dzulkarmain atau lebih dikenali sebagai *Alexander The Great*, telah membawa sejumlah naskah bersamanya semasa menakluki beberapa buah negara (Henry C. Boren, 1976:124). Sinopsis cerita kedua-dua epik terdapat dalam nota hujung.^{2 dan 3}

2.2 Ciri-Ciri Kesejagatan dan Kedaerahuan

2.2.1 Epik Yunani Klasik

Seterusnya dibincangkan tentang ciri-ciri kesejagatan dan kedaerahuan yang terdapat dalam epik Yunani klasik. Pertama sekali dibincangkan tentang ciri-ciri kesejagatan dan salah satu daripadanya ialah semangat cintakan negara dan raja.

Semangat cintakan raja dan negara adalah salah satu faktor yang mendorong seseorang wira turun ke medan peperangan. Tindakan dan kesanggupan wira berjuang sehingga mengorbankan nyawa sendiri kerana negara pasti mendapat penghormatan bangsanya. Dalam cerita *Odyssey* wiranya sanggup ke Troy dan akhirnya berjaya membawa pulang Helen yang telah “ditawan” oleh Paris dan tentera Troy. Jadi, para wira dalam epik Yunani klasik telah berjuang untuk raja dan negaranya dan bukan untuk kepentingan diri mereka sendiri.

Ciri-ciri kesejagatan seterusnya ialah dari segi gaya penceritaan. Cerita-cerita epik sejak zaman Yunani klasik sehingga ke zaman pertengahan gaya penceritaannya adalah dalam bentuk *in medias res.*.

In medias res adalah satu konsep yang sering digunakan oleh pengkaji kesusasteraan tentang gaya bercerita dalam epik. *In medias res* bermaksud *in the middle*, yang menunjukkan bahawa cerita dimulakan dengan babak-babak tegang pada peringkat pertengahan; iaitu penceritaan tidak dimulakan dengan watak wira sejak mereka masih kecil. Pengenalan watak-watak wira adalah ketika mereka sudah dewasa dan sedang berhadapan dengan konflik atau situasi tegang yang perlu diselesaikan. Dalam epik *Iliad*, cerita dimulakan setelah kedua-dua kerajaan iaitu Sparta dan Troy berperang selama sepuluh tahun. Manakala dalam epik *Odyssey* pula cerita bermula dengan kisah Odysseus mengetuai angkatan perang ke Troy untuk menyelamatkan Helen. Kedua-dua epik mengikut konvensi ini.

Wira terdiri daripada golongan atasan atau bangsawan adalah juga salah satu daripada ciri-ciri kesejagatan. Dalam epik-epik Yunani klasik ia turut memperlihatkan bahawa wira-wiranya adalah anak-anak raja dan orang-orang bangsawan. Contohnya Achilles ialah anak Peleus dan Thesis, raja daerah Thessaly di Yunani dalam cerita *Iliad*. Sementara Odysseus ialah raja dari Ithaca, Sparta, iaitu salah sebuah daerah di Yunani dalam cerita *Odyssey*.

Wira-wira Yunani klasik juga memperlihatkan ciri-ciri kesejagatan seperti memiliki sifat-sifat mulia, baik hati, suka memberi pertolongan dan pemurah.

Selain itu wira juga digambarkan sebagai memiliki keberanian luar biasa (*superhuman*) dibandingkan dengan manusia biasa seperti memperlihatkan kelebihan mereka dari sudut keberanian, ketangkasan, kebijaksanaan dan lain-lain lagi semasa di medan perjuangan atau peperangan. Oleh itu masyarakat akan menyanjung dan mendewa-dewakan mereka kerana memiliki ciri-ciri kualiti tersebut. Pengajaran moral daripada cerita-cerita epik juga adalah salah satu ciri-ciri kesejagatan.

Setiap karya adalah hasil cetusan idea pengarangnya. Jadi, tujuan pengarang menghasilkan cerita-cerita epik ialah untuk memberi kesedaran kepada orang ramai tentang semangat keperwiraan yang pernah wujud dalam diri wira pada suatu ketika dahulu. Walau bagaimanapun, kelebihan-kelebihan yang dilukiskan oleh pengarangnya tentang seseorang wira, adalah untuk menggambarkan kelebihan-kelebihan bangsa itu sendiri dan juga sebagai pengajaran moral.

Seterusnya dibincangkan ciri-ciri kedaerahan yang terdapat dalam cerita-cerita epik Yunani klasik dan salah satu daripadanya ialah angkara yang menyebabkan berlakunya peperangan. Dalam cerita-cerita *Iliad* dan *Odyssey*, peperangan berlaku disebabkan perebutan seorang wanita iaitu Chryseis dalam *Iliad* dan Helen dalam *Odyssey*.

Ciri selanjutnya ialah bantuan dan pertolongan dewa-dewa. Orang-orang Yunani menganggap bahawa manusia ialah anak-anak dewa. Jadi, wira sering memohon pertolongan para dewa untuk mencapai kemenangan. Para dewa pula bertindak sebagai *deus-ex-machina* atau “kuasa ketuhanan” yang sering campur tangan atau melakukan sesuatu dalam urusan manusia; contohnya dewa Apollo telah menurunkan wabak penyakit ke atas orang-orang Yunani kerana Agamemnon telah menahan Chryseis dan dijadikan gundiknya.

Sehubungan dengan fenomena tersebut, Paul Merchant dalam bukunya ‘*The Epic*’ ada menyebutkan bahawa :

*“In Homer the gods behave like humans,
except that his humans are more adult.”*

(Paul Merchant, 1986:14)

Pengembalaan dan rintangan terhadap wira dalam misi mereka adalah ciri-ciri kedaerahan seterusnya. Dalam puisi *Odyssey* diceritakan tentang pengalaman wira iaitu Odysseus berhadapan dengan para musuhnya yang mencabar dan ingin berkahwin dengan isterinya, Penelope. Sebelum itu Odysseus telah mengetuai angkatan tentera Sparta, iaitu sebuah daerah di Yunani, ke Troy untuk menyelamatkan Helen yang telah dilarikan oleh Paris ke Troy.

Sementara itu (iaitu semasa pemergian Odysseus selama sepuluh tahun) di Sparta, Penelope, isteri Odysseus sedang menghadapi musuh-musuh Odysseus. Mereka telah mengandaikan Odysseus telah mati dan mendesak supaya Penelope memilih salah

seorang daripada mereka sebagai calon suami. Jadi, Penelope telah mengenakan syarat; iaitu sesiapa yang dapat membengkokkan dan menggunakan anak panah Odysseus bakal menjadi calon suaminya. Ketika saat genting itulah Odysseus muncul dengan menyamar identitinya yang sebenar; beliau telah berjaya menggunakan anak panah serta berjaya pula membunuh musuh-musuhnya, selepas itu barulah memperkenalkan dirinya yang sebenar kepada isterinya Penelope. Dengan itu adalah jelas bahawa wira terpaksa menghadapi pelbagai rintangan semasa dalam pengembalaan.

2.2.2 Kesusasteraan Klasik India

Selanjutnya dikemukakan ciri-ciri kesejagatan dan kedaerahan yang terdapat dalam kesusasteraan India klasik menerusi **Ramayana** dan **Mahabharata**. (Sinopsis kedua-dua cerita diberikan dalam nota hujung).

Dalam kesusasteraan India, **Hikayat Ramayana** dan **Mahabharata** adalah dua buah epik Hindu yang masyhur. Kedua-dua teks tersebut sudah ada di Alam Melayu sejak zaman peralihan dari Hindu ke Islam. **Hikayat Ramayana** telah dikumpulkan sebelum 500 B.C dan ia lebih tua daripada **Hikayat Mahabharata**.

Menurut Khalid Hussain, yang memetik Profesor Lassen, menyatakan bahawa **Hikayat Ramayana** sering disebut dalam **Hikayat Mahabharata**. Beliau juga menambah bahawa pengaruh

Yunani belum wujud lagi, sedangkan **Hikayat Ramayana** sudah terkenal di India sebelum Iskandar Zulkarnain menyerang India (Khalid Hussain dalam Dewan Bahasa, 1964: 122). Sebagai rujukan, sinopsis kedua-dua cerita diberikan dalam nota hujungan.⁴ dan⁵

Seterusnya dikemukakan ciri-ciri kesejagatan dan salah satu daripada ciri-ciri yang terdapat dalam kedua-dua epik tersebut ialah wira-wiranya adalah berketurunan orang-orang bangsawan atau atasan.

Dalam **Hikayat Ramayana** dan **Mahabharata** kedua-dua wira ialah anak-anak raja atau dewa-dewa. Seri Rama dikatakan titisan dari dewa Vishnu. Manakala Sang Rajuna pula dikatakan dilahirkan dengan bantuan Sang Betara. Jadi, kedua-dua mereka ialah dari golongan atasan.

Konsep menang kalah juga adalah salah satu ciri-ciri kesejagatan dalam cerita-cerita epik klasik Hindu.

Dalam pelbagai *genre* kesusasteraan konsep menang kalah dalam peperangan atau sayembara adalah perkara lumrah. Dalam hal ini, cerita-cerita dari epik Hindu tidak terkecuali. Seri Rama berperang dengan Rawana dan berakhir dengan kemenangan Seri Rama kerana pertolongan unsur-unsur lain seperti adiknya, kera putih, jentayu dan para dewa. Sang Rajuna dalam **Hikayat Mahabharata** pula telah kalah dan menemui ajalnya. Jadi, konsep menang dan kalah memang terdapat dalam epik-epik Hindu.

Seterusnya dibincangkan ciri-ciri kedaerahan yang terdapat dalam epik-epik klasik Hindu dan salah satu daripadanya ialah konsep mengembara.

Konsep mengembara bukan sahaja terdapat dalam cerita-cerita penglipur lara dan cerita-cerita Panji di Alam Melayu, tetapi ia juga terdapat dalam kesusasteraan Hindu. Wira mengembara kerana tujuan tertentu seperti mencari kekasih, mencari ayah bonda, mencari ubat, kerana dihalau dari istana, atau mencari puteri yang muncul dalam mimpi.

Dalam **Hikayat Ramayana**, wira keluar mengembara kerana menurut kemahuan ibu tirinya yang mahukan anaknya sendiri, Bharatta menjadi raja. Oleh itu Seri Rama dan isterinya, Sita Dewi, terpaksa membawa diri dan tinggal di dalam hutan. Walau bagaimanapun adiknya iaitu Laskhmana turut sama mengikuti mereka. Pada suatu hari, Sita Dewi mengidam akan kijang emas. Jadi, Seri Rama telah keluar memburu untuk mendapatkan kijang emas. Konsep keluar mengembara memang berulang kali terdapat dalam **Hikayat Ramayana**.

Dalam **Hikayat Mahabharata** konsep pengembalaan turut dipamerkan. Diceritakan bahawa puak Pandawa lima bersaudara terpaksa keluar menyelamatkan diri setelah mengetahui bahawa puak Korawa hendak membunuh mereka. Setelah sekian lama berada dalam pengembalaan, bapa mereka Disaratha, telah memanggil mereka

pulang kerana hendak membahagikan kerajaannya kepada anak-anaknya. Konsep keluar mengembara memang jelas terdapat dalam **Hikayat Mahabharata**.

Ciri-ciri kedaerahan selanjutnya ialah tentang kuasa magis dan pertolongan daripada dewa-dewa atau tuhan-tuhan dalam agama Hindu.

Kuasa magis adalah salah satu ciri yang terdapat dalam kesusasteraan klasik; contohnya dalam cerita-cerita penglipur lara dan cerita-cerita dongeng. Kuasa magis bermakna watak wira mempunyai kuasa luar biasa yang membantunya, seperti berupaya menukar dirinya menjadi burung, harimau dan sebagainya. Hal ini juga terdapat dalam epik-epik Hindu. Wira sering dibantu oleh kuasa *supernatural* seperti para dewa, atau tuhan dalam pengertian tradisional mereka, atau makhluk asing untuk menolong mereka menukar rupa. Contohnya Rawana boleh menuarkan dirinya kepada bentuk lain seperti kijang emas, orang biasa dan mempunyai tenaga kekuatan yang hebat dan luar biasa. Dalam **Hikayat Ramayana** diceritakan Seri Rama telah berperang dengan Rawana yang berakhir dengan kemenangan Seri Rama di atas pertolongan unsur-unsur tadi. Manakala dalam **Hikayat Mahabharata** pula, Sang Rajuna telah dibantu oleh panah saktinya, Sarasampa dan dewa Betara Krishna. Dengan itu kuasa magis memang terdapat dalam epik-epik Hindu. Tentang motif wira mendapat bantuan dewa-dewa pula contohnya ialah Sang Rajuna yang banyak dibantu

oleh dewa Betara Krishna yang menjadi penasihat dan penyelamatnya. Dia banyak diberi perangsang oleh Betara Krishna untuk berperang. Begitu juga dengan Sang Rajuna yang dilahirkan dalam keadaan yang lebih sempurna dan ideal kerana berketurunan dewa-dewa dan raja di sebelah pihak Pandawa. Semasa dalam peperangan, para dewa sering membantu wira-wira tersebut.

Seterusnya dikemukakan pula ciri-ciri kesejagatan dan kedeaerahan yang terdapat dalam cerita-cerita klasik warisan Islam.

2.2.3 Wira-Wira dari Warisan Islam

Wira-wira dari warisan Islam juga memiliki perwatakan yang unggul seperti sifat bijaksana, berani, gagah perkasa dan tangkas di medan perang. Mereka juga ialah ketua atau pemimpin angkatan perang yang digeruni oleh pihak musuh. Contoh yang baik ialah seperti Umar Al-Khatab, Hamzah Abdul Muttalib, Khalid ibnu Walid dan ramai lagi. Selain itu mereka juga terdiri daripada anak-anak golongan bangsawan dan orang ternama. Sikap berani mata, cekap bermain senjata dan bertindak sebagai ketua yang berdisiplin menambahkan lagi kehebatan mereka sebagai pemimpin.

Ciri-ciri kesejagatan seterusnya ialah mereka berjuang kerana seruan dan mempertahankan agama. Agama adalah salah satu faktor pendorong yang menyebabkan seseorang wira rela berjuang demi mempertahankannya. Islam adalah agama sejagat dan Allah SWT telah